



SIARAN AKHBAR

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA ULANG TAHUN KE-14 PENUBUHAN BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

Hari Jumaat, 1 Sya'ban 1445H bersamaan dengan 31 Januari 2025M

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) hari ini telah mengadakan majlis doa kesyukuran bersempena ulang tahunnya yang ke-14. Acara ini bukan sahaja meraikan pencapaian BDCB sejak 14 tahun yang lalu tetapi juga memberi peluang untuk mengeratkan dan memupuk hubungan yang lebih erat antara pihak lembaga, pengurusan dan kakitangan BDCB.
2. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin Bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengarisi Lembaga Pengarah BDCB, ahli-ahli Lembaga Pengarah BDCB yang lain, Pengarah Urusan BDCB, Pengurusan Eksekutif serta pegawai-pegawai dan kakitangan BDCB.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaasin, diikuti dengan Doa Kesyukuran dan sembahyang Fardhu Asar.
4. Ulang tahun ini menandakan satu pencapaian yang istimewa bagi BDCB sejak penubuhannya sebagai sebuah badan berkanun pada 1 Januari 2011. Acara ini juga merupakan peringatan mengenai misi bersama untuk mencapai objektif-objektif BDCB iaitu untuk mengekalkan kestabilan harga domestik, memastikan kestabilan sistem kewangan melalui peraturan yang berkesan dan piawaian berhemat, menyokong penubuhan dan operasi sistem pembayaran yang lancar dan cekap, dan memupuk sektor perkhidmatan kewangan yang progresif dan berdayatahan. Tumpuan berterusan BDCB terhadap objektif-objektifnya memastikan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam kekal berdaya tahan untuk menghadapi sebarang cabaran dan peluang masa depan serta menyumbang kepada kemakmuran ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 1 Sya'ban 1445 / 31 Januari 2025

Rujukan: BDCB/COMMS/3